

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH : 29 JULAI 2016

29/Thale 1 Jun

## 24 kontraktor terima tawaran MBSA

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Sebanyak 24 kontraktor menerima tawaran Kutipan Sampah Domestik sesi 2016-2019 daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata kontrak itu ditambah baik berbanding kontrak sebelumnya daripada segi kekerapan kutipan bagi rumah jenis 'landed'.

"Penggubahan jadual kekerapan kutipan bagi rumah jenis 'landed' dari tiga kali kepada empat kali seminggu mengambil kira kutipan sampah pada hujung minggu.

"Bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram, kerja kutipan sisa domestik di premis

seperti industri sesebuah, industri teres, berkembar dan hotel juga dilaksanakan dengan kekerapan kutipan lima kali seminggu," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kontraktor juga perlu menyediakan bilangan lori kompaktor mengikut bilangan dan spesifikasi ditetapkan.

"Pada masa sama, lori kompaktor ini juga perlu dipasang dengan alat Automatic Vehicle Locating System (AVLS) bagi memudahkan pemantauan pergerakan.

"Kos pemasangan alat dianggarkan membabitkan harga RM1,000 hingga RM3,000, manakala sewa untuk sistem pemantauan dianggar RM160 sebulan," katanya.

Kontrak baru itu juga per-



lu menyediakan tong sampah MGB120 liter untuk setiap landed house dan MBSA membayar kontraktor selepas selesai

proses penyediaan dan penghantaran tong.

"MBSA mengenakan tindakan tegas kepada kontraktor di-

lantik dan penamatan kontrak dibuat segera jika mereka gagal mematuhi syarat ditetapkan," katanya.